

**PROGRAM KESEDARAN MENANGANI ISU PERKAHWINAN AWAL KANAK-KANAK
(MIPA) DAN MENGARUSPERDANAKAN GENDER DALAM PEMBANGUNAN LUAR
BANDAR (MPG)**

**Erica Alfira Japli
Intern Universiti Malaysia Sabah
Pejabat Daerah Telupid**

TELUPID, 12 SEPT 2024 - Perkahwinan awal kanak-kanak merupakan salah satu isu serius yang membawa kesan negatif terhadap kehidupan ribuan kanak-kanak di seluruh pelosok dunia, termasuk Malaysia. Ia bukan sahaja menjejaskan hak asasi kanak-kanak, tetapi juga mendorong impak besar terhadap kesihatan, Pendidikan dan kesejahteraan hidup mereka. Di samping itu, isu ketidaksetaraan gender dalam Pembangunan luar bandar juga turut menjadi isu dan cabaran. Dalam usaha menangani kedua-dua isu ini Jabatan Hal Ehwal Wanita (JHEWA) telah melaksanakan program Kesedaran Menangani Isu Perkahwinan Awal Kanak-kanak (MIPA) dan Mengarusperdanakan Gender dalam Pembangunan Luar Bandar (MPG). Program ini dilaksanakan pada 12 September 2024 (Khamis) bertempat di Dewan Institusi Perhutanan Sabah (IPS) Telupid. Program ini, diadakan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat dan menyumbang kepada pembangunan yang lebih adil dan saksama.

Terdapat empat penceramah undangan untuk melengkapkan program supaya berjalan dengan lancar iaitu Puan Noor Azah Abdul Rahman (Peguambela dan Peguamcara, Pusat Bantuan Guaman Wanita Sabah JHEWA), Puan Suzanna Piny (Penolong Pengarah Kanan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara), Puan Dayangku Suhaila Pg. Suhaimi (Pegawai Kebajikan, Jabatan Perkhidmatan Kebajikan Am Sabah) dan Puan Florencia Padasian (Penolong Pegawai Daerah Tongod). Program ini menganggotakan seramai 180 orang yang hadir termasuklah semua ketua-ketua/wakil Jabatan dan Agensi di Daerah Telupid. Program ini turut dihadiri oleh YB Datuk Flovia Ng (Pembantu Menteri Pembangunan Masyarakat & Kesejahteraan Rakyat) untuk memberikan ucapan penutupan perasmian.

Menurut Puan Noor Azah Abdul Rahman dalam ceramahnya tentang Perkahwinan Awal dari Perspektif Perundangan mengatakan bahawa undang-undang sivil menetapkan usia minimum untuk berkahwin adalah 18 tahun bagi lelaki dan wanita. Undang-undang ini ditetapkan di bawah Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 (Akta 164) yang terpakai kepada rakyat Malaysia bukan Islam. Menurut beliau lagi bagi mereka yang berumur dibawah 21 tahun tetapi melebihi 18 tahun, mereka perlu mendapatkan persetujuan ibu bapa atau penjaga. Dibawah undang-undang syariah, usia minimum untuk berkahwin bagi lelaki adalah 18 tahun dan bagi Perempuan adalah 16 tahun (Penganut Islam di Malaysia).



Gambar 1: Pengarah JHEWA bersama wakil daripada jabatan lain.



Gambar 2: YB Datuk Flovia Ng (Pembantu Menteri Pembangunan Masyarakat dan Kesejahteraan Rakyat) memberi ucapan penutupan perasmian program.



Gambar 3: YB Datuk Flovia Ng bersama wakil jabatan/agensi lain serta beberapa masyarakat daerah Telupid.